

## Jihad Siber Membebaskan Palestin Daripada Cengkaman Zionis



Oleh: Nurul Adilah Jahari  
*Universiti Sains Islam Malaysia*  
*Diterbitkan pada 23 Julai 2021*

Dunia siber kini menjadi tidak asing lagi dalam masyarakat di seluruh dunia. Hampir setiap rumah mempunyai rangkaian internet dan akaun media sosial tersendiri.



Penggunaan sosial media secara global mencecah 4.20 bilion pengguna, meningkat 13 peratus sejak 12 bulan. Sumber: Hootsuite

Menurut kajian Hootsuite, penggunaan media sosial secara global mencecah 4.20 bilion pengguna, meningkat 13 peratus dalam masa 12 bulan.

Pengguna media sosial di Malaysia sahaja berjumlah 28 juta, meningkat 7.7 peratus dalam masa 12 bulan. Jumlah ini mewakili 86 peratus daripada keseluruhan penduduk Malaysia.

Pada masa kini, media sosial lebih kerap terkait dengan keburukan berbanding kebaikannya. Contohnya, penipuan, judi dalam talian dan buli siber. Namun, media sosial juga boleh dijadikan platform untuk berjihad.

Pada malam 28 Ramadan yang lalu, kita telah digemparkan dengan serangan yang berlaku umat Islam di Palestin ketika mereka menunaikan solat tarawih berjemaah di masjid Al-Aqsa.

Polis rejim Zionis melempar bom dan gas pemedih mata ke dalam masjid sehingga menyebabkan ramai yang cedera parah. Menurut jurucakap Kementerian Kesihatan Palestin, Ashraf Al Qudra, seramai 43 peratus mangsa yang dirawat ialah kanak-kanak dan kaum wanita.

Susulan kejadian itu, orang ramai di seluruh dunia melakukan bantahan besar-besaran mengutuk tindakan Israel ke atas Palestin.

Terdapat pelbagai cara yang boleh dilakukan melalui jihad siber bagi membantah tindakan kejam rejim Zionis Israel terhadap umat Islam di Palestin.

Kita boleh menyerang laman rasmi negara mereka dengan memberikan komentar yang mengeji dan mengutuk tindakan mereka membunuh kanak-kanak, wanita dan warga emas yang tidak berdosa tanpa sebarang alasan yang kukuh.

Cara ini akan membuka mata penyokong Israel malah rakyatnya sendiri tentang kekejaman dan kezaliman kerajaan mereka.

Selain itu, kita perlu menyasarkan akaun setiap individu berpangkat besar supaya impak yang diperoleh lebih besar dan jelas.

Mereka adalah individu yang mempunyai kuasa dan kelayakan untuk mengubah tampuk kepimpinan serta mengambil tindakan terhadap peperangan yang berlaku.

Sekiranya kita hanya menyerang rakyat biasa yang tidak mempunyai kuasa untuk mengubah keadaan, ia akan mendatangkan kesan yang amat lambat bagi menghentikan peperangan ini.

Berikutnya, apabila sekelompok besar netizen menyebarkan tentang suatu fakta yang sama, sudah pasti akan menimbulkan kesedaran kepada kelompok yang lain tentang isu yang terjadi pada masa kini.

Sebagai contoh, jika seluruh rakyat Malaysia menyebarkan tentang fakta kewujudan dan konflik yang terjadi antara Palestin dan Israel dalam semua platform media sosial, pasti rakyat di negara-negara lain sedar tentang apa yang sebenarnya berlaku.

Tanda pagar atau # adalah slogan yang kerap digunakan dalam media sosial oleh netizen untuk memudahkan pengguna lain mencari maklumat tentang sesuatu topik.

Kuasa tanda pagar mempunyai impak yang besar dan hebat. Sekiranya ramai netizen menggunakan tanda pagar yang sama dengan kerap, ia akan menjadi suatu topik yang *trending* di seluruh dunia.

Fenomena yang tercetus ekoran tanda pagar yang *trending* akan mencetuskan kesedaran tentang isu Palestin dalam kalangan netizen di seluruh dunia.



Kebangkitan penduduk Washington menentang Zionis Israel. Sumber : Google

Kaedah ini telah terbukti keberkesannya apabila tindakan seluruh rakyat Malaysia dalam membela nasib saudara di Palestin, telah berjaya membuka mata masyarakat seluruh dunia.

Naib Canselor Universiti Selangor, Prof Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman seperti dilaporkan Sinar Harian berkata, peranan yang dimainkan oleh media sosial terbukti apabila seluruh dunia mengadakan protes secara besar-besaran memperjuangkan hak rakyat Palestin.

Pembesar dan pemimpin di beberapa negara turut menggesa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) meleraikan konflik yang berlaku antara Palestin dan Israel. Gencatan senjata Palestin-Israel berjaya dicapai pada 21 Mei 2021.

Gencatan senjata bukan bermakna kita telah menang sepenuhnya. Namun, ia hanyalah kemenangan sementara. Israel akan kembali melakukan serangan pada bila-bila masa sahaja.

Jihad kita masih belum selesai. Kita perlu terus berganding bahu menentang kekejaman Israel sehingga Palestin beroleh kemerdekaan yang hakiki.